



ANTARA operasi KPDNHEP membabitkan LPG subsidi yang diseleweng sindiket seluruh Malaysia terutama di Lembah Klang.

# Sedut hak rakyat

*Pembekal berlesen bersubahat dengan sindiket seleweng gas LPG*

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**O**perasi haram sedut gas membolehkan lebih 20 sindiket seluruh negara mengaut untung mencecah ratusan ribu ringgit sebulan hanya melalui kegiatan memindah dan menjual gas petroleum cecair (LPG) subsidi kepada pihak industri.

Lebih mengejutkan apabila kegiatan penyelewengan gas LPG subsidi yang menyebabkan


kerugian berbilion ringgit kepada kerajaan sejak lima tahun lalu dikesan turut didalangi pihak pembekal gas LPG berlesen.

Sumber Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkata, siasatan dalam beberapa kes terbaru mendapati wujud komplot terancang membabitkan segelintir pembekal berlesen yang bersekongkol melakukan aktiviti pemindahan LPG di premis haram.

"Mereka ini tidak menjual tong gas LPG subsidi memasak kepada pengguna sebaliknya



menghantar tong gas ini ke markas sindiket. Kunci sindiket kemudiannya akan menjalankan tugas memindahkan gas subsidi ini ke dalam tong industri. "Kebiasaannya mereka menggunakan kaedah api dan ais untuk memindahkan gas dari tong LPG memasak ke tong LPG industri menggunakan," katanya. Menurutny, kaedah kuno ini membabitkan penggunaan ais atau merendam air panas pada tong LPG bagi membolehkan gas dipindahkan menggunakan tiub khas. "Risikanya mendapati kegiatan sindiket menjual LPG subsidi ini masih





berlaku di seluruh negara terutama di kawasan perindustrian dan berkepadatan tinggi.

"Ketika ini harga bagi satu tong LPG subsidi seberat 14 kilogram (kg) adalah RM26. Ini bererti setiap kg gas LPG subsidi berharga RM1.85.

"Manakala setong gas LPG industri seberat 50 kg dijual antara harga RM150 hingga RM200 mengikut harga ditetapkan pembekal," katanya.

Dia berkata, mengambil kira harga pasaran ini, sindiket mampu memperoleh keuntungan atas angin sekurang-kurangnya RM50 bagi setiap tong LPG industri dijual.

"Risikan mendapati kebanyakan LPG subsidi ini dijual kepada pengilang, restoran, kedai dobi dan syarikat yang memerlukan gas LPG untuk beroperasi.

"Sekiranya setiap sindiket berupaya membekalkan 50 hingga 100 tong LPG industri sehari, bererti mereka mampu memperoleh pendapatan bersih melebihi RM100,000 sebulan tanpa perlu mengeluarkan modal.

"Malah, jika mengambil kira jumlah sindiket yang ditumpaskan sebelum ini, angka kasar keuntungan diperolehi sindiket

mencecah sehingga melebihi RM20 juta setahun hukanlah mustahil," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP akan meneruskan usaha menjejaki sindiket ini termasuk mengambil tindakan terhadap pembekal yang bersekongkol dan menipu dokumentasi.

"Kami akan bertindak agresif mendakwa mereka di mahkamah mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan denda tidak kurang RM2 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan," katanya.

Dalam kes terbaru 5 November lalu, KPDNHEP Selangor menyita 335 tong LPG bersubsidi dan industri bernilai RM88,000 hasil serbuan di sebuah premis di Pulau Indah, Klang.

Dua hari berikutnya, KPDNHEP Cawangan Kajang turut menyita 35 tong LPG subsidi dianggarkan bernilai lebih RM10,000 dalam serbuan di sebuah premis di Sungai Chua, Kajang.

Manakala pada Isnin lalu, anggota perisikan KPDNHEP Putrajaya berjaya merampas 336 tong LPG subsidi dianggarkan bernilai RM135,900 dari sebuah premis di Jalan 1, Meru, Klang, Selangor.